

## PROMOSI TAMBAH AKAUN PAY&SAVE HONG LEONG BANK BERHAD

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Tambah Akaun Pay&Save” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada **2 Oktober 2017** dan berakhir pada **31 Januari 2018** termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

#### 1. Akaun Pay&Save

(i) Promosi ini terbuka kepada pelanggan HLB individu warga Malaysia yang merupakan Pemegang Akaun Utama Akaun Pay&Save (“Akaun P&S”) baharu dan sedia ada, termasuk pelanggan Perbankan Prioriti Hong Leong (“Pelanggan Akaun”).

(ii) Bagi mengelakkan keraguan:-

(a) “Pemegang Akaun Baharu” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka Akaun P&S semasa Tempoh Promosi;

(b) “Pemegang Akaun Sedia Ada” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka Akaun P&S sebelum 2<sup>nd</sup> Oktober 2017.

(iii) Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan syarikat multinasional.

### KAEDAH PROMOSI

#### 2. Untuk menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun hendaklah:-

(a) Mendepositkan Amaun Deposit Minimum yang ditetapkan (seperti tertera dalam jadual di bawah) ke dalam Akaun P&S mereka selama **dua (2) bulan** atau **empat (4) bulan** berturut-turut (“Tempoh Deposit”); dan

(b) Mengekalkan Baki Tokokan Minimum yang dikehendaki semasa Tempoh Promosi, supaya berpeluang memenangi pulangan tunai (“Pulangan Tunai”) seperti tertera dalam jadual di bawah:

Tempoh Deposit	Kategori	Pulangan Tunai (RM)	Amaun Deposit Minimum setiap bulan (RM)	Baki Tokokan Minimum pada akhir Tempoh Promosi (RM)	Bilangan Pemegang Akaun Layak (Had)
Deposit selama 2 bulan berturut-turut	A	50	2,500	5,000	1,000
	B	100	5,000	10,000	1,000
Deposit selama 4 bulan berturut-turut	C	100	2,500	10,000	1,000
	D	200	5,000	20,000	1,000

3. **Satu ribu (1,000)** pertama Pemegang Akaun yang mempunyai Baki Tokokan Tertinggi (seperti dinyatakan dalam fasal 6 di bawah) dari setiap kategori akan berhak mendapat Pulangan Tunai (“Pemegang Akaun Layak”). Sejumlah **empat ribu (4,000)** Pemegang Akaun Layak diuntukkan bagi Promosi ini.

4. Jika berlaku seri dalam Baki Tokokan tertinggi, maka Pemegang Akaun yang mula-mula sekali mendepositkan Amaun Deposit Minimum dalam Akaun P&S akan memenangi Pulangan Tunai.
5. Bagi Pemegang Akaun Layak yang mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Semasa dan Simpanan (“CASA”) seperti di bawah, maka Baki Tokokan dalam setiap CASA itu hendaklah digabungkan untuk mengira jumlah Baki Tokokan.
  - (a) Akaun Pay&Save Hong Leong;
  - (b) Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
  - (c) Akaun Simpanan Hong Leong;
  - (d) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
  - (e) Akaun Junior 3 dalam 1 Hong Leong;
  - (f) Akaun Simpanan Junior Hong Leong;
  - (g) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
  - (h) Akaun Top Yield Hong Leong;
  - (i) Akaun One Hong Leong;
  - (j) Akaun Semasa Hong Leong;
  - (k) Akaun Semasa Asas Hong Leong
6. Baki Tokokan ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian (“DAB”) Akaun P&S dan CASA lain (jika berkenaan) semasa Tempoh Promosi, tolak Asas Pengiraan. Asas Pengiraan ialah baki penutup Akaun P&S dan CASA lain (jika berkenaan) pada 1<sup>hb</sup> Oktober 2017. Bagi Pemegang Akaun Baharu, Asas Pengiraan untuk mengira Baki Tokokan ialah **Ringgit Malaysia sifar (RM0)**.

**(a) Baki Tokokan bagi Pemegang Akaun Sedia Ada**

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi}}{\text{Bilangan hari Tempoh Promosi iaitu 122 hari}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = DAB - \text{Baki penutup pada 1 Oktober 2017}$$

**(b) Baki Tokokan bagi Pemegang Akaun Baharu**

$$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi dari tarikh pembukaan Akaun P&S}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan Akaun P&S sehingga hari terakhir Tempoh Promosi}}$$

$$\text{Baki Tokokan} = DAB - \text{Sifar (RM0)}$$

7. Semua deposit mestilah Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrifkan sebagai:
  - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan depositkan ke dalam Akaun P&S milik Pemegang Akaun;
  - (b) Ekuiti, dana unit amanah, bon dan Hong Leong Invest Safe yang ditebus kemudian didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA HLB
8. “Dana Baharu” **BUKANLAH**:
  - (a) Deposit Tetap (“FD”), Akaun Pelaburan Am (“GIA”) atau Deposit Bertempoh-i (“TD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang FD, GIA atau TD-i;
  - (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) termasuk pindahan pihak **ketiga (ke-3)**.
9. Pemegang Akaun Layak yang berjaya (“Pemegang Akaun Berjaya”) akan diberitahu oleh HLB melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”), atau penyiaran senarai Pemegang Akaun Berjaya dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”), dan/atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamatnya Tempoh Promosi (“Pemberitahuan”).

10. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun P&S Pemegang Akaun Berjaya dalam masa dua belas (12) minggu (“Tarikh Pengkreditan”) selepas tamatnya Tempoh Promosi.
11. Akaun P&S Pemegang Akaun Layak mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dari Tempoh Promosi dan sehingga Tarikh Pengkreditan Pulangan Tunai bagi tujuan pengkreditan Pulangan Tunai. Jika sekiranya Akaun P&S ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan/atau sebelum Tarikh Pengkreditan Pulangan Tunai, maka Pemegang Akaun Layak akan terlucut kelayakan memenangi Pulangan Tunai.
12. Pemegang Akaun Layak yang tidak menerima Pemberitahuan daripada Bank dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamatnya Tempoh Promosi dianggap **TIDAK** layak atau berhak menerima Pulangan Tunai.
13. Jika sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, maka Pemegang Akaun Berjaya hendaklah bertanggungjawab memberitahu HLB melalui surat tidak lewat daripada satu (1) bulan kalendar dari tarikh Pemberitahuan daripada HLB, jika gagal berbuat demikian Pulangan Tunai itu dianggap telah diterima oleh Pemegang Akaun Berjaya dan HLB tidak akan melayani sebarang dakwaan tidak terima Pulangan Tunai oleh Pemegang Akaun Berjaya selepas luputnya satu (1) bulan kalendar tersebut.
14. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) (“M3Tech”), iaitu syarikat vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
15. Visual yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama visual itu dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian daripada Pulangan Tunai.
16. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

## **UMUM**

17. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun:
  - (a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma & Syarat Akaun P&S;
  - (b) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - (c) Memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon bimbit mereka kepada M3Tech untuk tujuan Promosi ini;
  - (d) Bersetuju nama, nombor MyKad/Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), atau foto mereka disiarkan dalam media, pemasaran atau Laman Web HLB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan); dan
  - (e) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi dan Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun dan Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani.
18. HLB berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian atau untuk menggantung atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara mutlak HLB dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis awal dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun atas apa jua sebab sekalipun mengikut budi bicara mutlak HLB yang dianggap wajar daripada menyertai Promosi dan/atau berhak menerima Pulangan Tunai;
  - (c) melupakan Pulangan Tunai jika sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi; dan
  - (d) menggantikan Pulangan Tunai dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.

19. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Akaun P&S hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Akaun P&S, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
20. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
21. Pemegang Akaun yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan Mufliis (menurut petisyen sama ada oleh HLB atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi dan/atau **TIDAK** berhak menerima Pulangan Tunai
22. Pemegang Akaun bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang berkenaan.
23. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Akaun bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Akaun Semasa dan Simpanan Hong Leong layak dilindungi oleh PIDM**